

Malaysia tak akan layan tuntutan ke atas Sabah - PM

PUTRAJAYA - Kerajaan tidak akan melayan sebarang tuntutan daripada mana-mana pihak berkenaan Sabah dan memandang serius isu kedaulatan negara, termasuk kedaulatan serta keutuhan negeri itu dalam Malaysia.

Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob berkata, kerajaan menegaskan pendirian bahawa Sabah telah diiktiraf oleh Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) dan masyarakat antarabangsa sebagai sebahagian daripada Persekutuan Malaysia sejak 16 September 1963.

“Tuntutan oleh pihak yang mengaku sebagai waris kepada Sultan Sulu terhadap kerajaan Malaysia melalui satu prosiding timbang tara (*arbitration*) antarabangsa adalah tidak sah dan melanggar undang-undang.

“Ini adalah kerana pelantikan penimbang tara, Dr. Gonzalo



KERAJAAN Malaysia akan mempertahankan kedudukan Sabah dalam Malaysia untuk selama-lamanya. - GAMBAR HIASAN

Stampa telah dibatalkan oleh Mahkamah Tinggi Madrid pada 29 Jun 2021 yang mengakibatkan semua keputusan yang dikeluarkan

oleh beliau adalah tidak sah, termasuk *Final Award* yang dikeluarkan pada 28 Februari lalu,” katanya menerusi satu kenya-



ISMAIL SABRI

taan semalam.

Menurutnya, walaupun pelantikan Dr. Stampa telah dibatalkan, tetapi beliau tidak mengendahkan keputusan Mahkamah Tinggi Madrid dengan memindahkan tempat timbang tara ke Paris, Perancis dan telah meneruskan prosiding timbang tara

itu sehingga beliau mengeluarkan *Final Award* tersebut.

“Bagi memastikan kedaulatan dan kepentingan Malaysia terpelihara, kerajaan telah memfailkan permohonan untuk membatalkan *Final Award* itu pada 3 Mac lalu di Mahkamah di Paris, Perancis.

“Ia bagi memastikan keputusan *Final Award* tersebut tidak boleh dikuatkuasakan oleh penuntut pada bila-bila masa dan di mana-mana negara dan supaya Malaysia tidak perlu membayar wang pampasan sebanyak AS\$14.9 bilion (RM62.59 bilion) seperti yang dituntut,” katanya.

Perdana Menteri menegaskan, Malaysia tidak akan berganjak walau seinci pun dalam menjaga dan mempertahankan kedaulatan negara dan kedudukan Sabah dalam Malaysia akan dipertahankan untuk selama-lamanya.